



## MEMO

**PEJABAT DAERAH DAN TANAH SABAK BERNAM  
UNIT KEWANGAN / BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN**

Rujukan Kami : PDSB/KP/01/0069 Jld.2 (37)

Tarikh : 15 Oktober 2020

|                 |                                                                                                                                 |                                    |
|-----------------|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|------------------------------------|
| <b>Tajuk</b>    | <b>PENGIRAAN ELAUN LEBIH MASA (ELM) SELARAS PELAKSANAAN WAKTU BEKERJA FLEKSI (WBF) DI PEJABAT DAERAH DAN TANAH SABAK BERNAM</b> |                                    |
| <b>Daripada</b> | Pegawai Daerah Sabak Bernam                                                                                                     | <b>Salinan:</b><br><br>Fail Timbul |
| <b>Kepada</b>   | Semua Kakitangan                                                                                                                |                                    |

Dengan segala hormatnya merujuk kepada perkara diatas.

2. Untuk makluman, selaras dengan Pelaksanaan Waktu Bekerja Fleksi (WBF) seperti Pekeliling Perkhidmatan Bil.(5) Tahun 2019 dan syarat-syarat yang ditetapkan dalam Garis Panduan Bil.4 Tahun 2018 Panduan Tuntutan Elaun Lebih Masa. Pengiraan tuntutan ELM semasa hari bekerja biasa perlu mengambikira waktu pegawai memulakan tugas dan menamatkan tugas (tempoh waktu bekerja yang perlu dipatuhi).

3. Sehubungan dengan itu, bagi tujuan penyeragaman pengiraan tuntutan ELM di Jabatan ini, perkara-perkara berikut hendaklah dipertimbangkan untuk tujuan pengiraan :

- i. Waktu Bekerja Lebih Masa pada hari bekerja biasa dikira sebaik sahaja tamat tempoh waktu bekerja pejabat yang perlu dipatuhi seperti berikut :

| <b>Waktu Masuk<br/>(Pagi)</b> | <b>Waktu Keluar<br/>(Petang)</b> | <b>Pengiraan Waktu Kerja<br/>Lebih Masa Bermula</b> |
|-------------------------------|----------------------------------|-----------------------------------------------------|
| 7.30 pagi                     | 4.30 petang                      | 4.30 petang                                         |
| 7.31 – 7.45 pagi              | 4.31 – 4.45 petang               | 4.45 petang                                         |
| 7.46 – 8.00 pagi              | 4.46 – 5.00 petang               | 5.00 petang                                         |
| 8.01 – 8.15 pagi              | 5.01 – 5.15 petang               | 5.15 petang                                         |
| 8.16 – 8.30 pagi              | 5.16 – 5.30 petang               | 5.30 petang                                         |
| 8.31 – 8.45 pagi              | 5.31 – 5.45 petang               | 5.45 petang                                         |
| 8.46 – 9.00 pagi              | 5.31 – 6.00 petang               | 6.00 petang                                         |

- ii. Tempoh minimum yang melayakkan seseorang pegawai itu menuntut kerja lebih masa adalah **31 minit**.
- iii. Masa tamat bekerja akan diambil kira dalam masa penggenapan minit **0, 15, 30 dan 45**. Contoh seperti di **lampiran 1**
- iv. Contoh pengiraan bagi keadaan diatas adalah seperti di **Lampiran 1**.

**FORMAT PENGIRAAN TUNTUTAN ELAUN LEBIH MASA (ELM) SECARA SERAGAM  
SELARAS PELAKSANAAN WAKTU BEKERJA FLEKSI (WBF) DI PEJABAT DAERAH DAN  
TANAH SABAK BERNAM**

- v. Pemotongan waktu rehat ketika melakukan kerja lebih masa mengikut "Rulling" bayaran lebih masa oleh PDSB/KP/02/0026 (86) bertarikh 7 Disember 2012. Kiraan pemotongan waktu bekerja lebih masa adalah seperti berikut:

| JUMLAH WAKTU ELM | MASA PEMOTONGAN |
|------------------|-----------------|
| 6 JAM            | 1/2 JAM         |
| 8 JAM            | 1 JAM           |
| 12 JAM           | 1 1/2 JAM       |
| 16 JAM           | 2 JAM           |

4. Penetapan untuk waktu bekerja lebih masa iaitu untuk **2 jam** bagi waktu bekerja hari biasa dan **4 jam** waktu bekerja bagi hari rehat biasa, **tidak dibenarkan** untuk bekerja lebih masa bagi hari Kelepasan Am kecuali pada kerja-kerja kecemasan (seperti bencana) dan Penetapan waktu bertugas ini tidak diguna pakai bagi urusetia program-program Kerajaan, Penguatkuasa (bagi kerja-kerja rondaan), Pemandu dan Pengawal Keselamatan.

5. Pengiraan tuntutan elaun lebih masa ini akan berkuatkuasa sepenuhnya bermula pada bulan **Oktober tahun 2020**. Kerjasama dari pihak Tuan/Puan diucapkan ribuan terima kasih.

Sekian.

**"SELANGOR MAJU BERSAMA"**  
**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menjalankan amanah,

  
(NASIR BIN MAMAT S.I.S,K.M.W,A.M.N)

Contoh 1 (Hari Bekerja) :

|                                                                                    |                            |
|------------------------------------------------------------------------------------|----------------------------|
| Masa Bekerja (WBF)                                                                 | 7.35 pg - 4.35 ptg (9 jam) |
| Masa pada (WTMS)                                                                   | 7.35 pg - 5.47 ptg         |
| Pengiraan <b>ELM</b>                                                               | 4.45 ptg - 5.45 ptg        |
| #Pegawai <b>layak</b> menuntut elaun lebih masa untuk tempoh <b>satu (1) jam</b> . |                            |

Contoh 2 (Hari Bekerja) :

|                                                                                  |                            |
|----------------------------------------------------------------------------------|----------------------------|
| Masa Bekerja (WBF)                                                               | 8.05 pg – 5.05 ptg (9 jam) |
| Masa pada (punch card)                                                           | 8.05 pg – 6.25 ptg         |
| Pengiraan <b>ELM</b>                                                             | 5.15 ptg – 6.15 ptg        |
| #Pegawai <b>layak</b> menuntut elaun lebih masa untuk tempoh <b>satu (1) jam</b> |                            |

Contoh 3 (Hari Bekerja) :

|                                                                                                                                                             |                            |
|-------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|----------------------------|
| Masa Bekerja (WBF)                                                                                                                                          | 8.19 pg – 5.19 ptg (9 jam) |
| Masa pada (punch card)                                                                                                                                      | 8.19 pg – 5.55 ptg         |
| Pengiraan <b>ELM</b>                                                                                                                                        | 5.30 ptg – 5.45 ptg        |
| #Pegawai <b>tidak layak</b> menuntut elaun lebih masa untuk tempoh pengiraan kerja lebih masa adalah bermula jam <b>5.30 ptg dan kurang dari 30 minit</b> . |                            |

Contoh 4 (Hari Bekerja) :

|                                                                                |                            |
|--------------------------------------------------------------------------------|----------------------------|
| Masa Bekerja (WBF)                                                             | 8.55 pg – 5.55 ptg (9 jam) |
| Masa pada (punch card)                                                         | 8.55 pg – 6.35 ptg         |
| Pengiraan <b>ELM</b>                                                           | 6.00 ptg – 6.30 ptg        |
| #Pegawai <b>layak</b> menuntut elaun lebih masa untuk tempoh <b>30 minit</b> . |                            |

Contoh 5 (Hari cuti rehat/am) :

|                                                                                 |                     |
|---------------------------------------------------------------------------------|---------------------|
| Masa Bekerja (WBF)                                                              | 7.49 pg – 12.37 ptg |
| Masa pada (punch card)                                                          | 7.49 pg – 12.37 ptg |
| Pengiraan <b>ELM</b>                                                            | 8.00 pg – 12.30 ptg |
| #Pegawai <b>layak</b> menuntut elaun lebih masa untuk tempoh <b>270 minit</b> . |                     |

